

D619

U B638 DEB  
MAHATHIR - BARISAN

**PULAU PINANG, 23 SEPT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL MERUPAKAN SATU-SATUNYA GABUNGAN PARTI POLITIK TERBAIK DAN UNIK, YANG TELAH BERJAYA MENGGABUNGAN PARTI PELBAGAI KAUM, DEMI KEMAKMURAN DAN KESTABILAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.**

**BELIAU BERKATA, EKORAN KEBERKESANAN DAN KEJAYAAN BN ITU, KINI TERDAPAT PULA PIHAK YANG CUBA MENIRUNYA DENGAN MEMBENTUK PAKATAN YANG DINAMAKAN ANGKATAN PERPADUAN UMMAH.**

**JIKA BN TIDAK DIYAKINI ATAU DIAKUI KEKUATAN DAN KEJAYAANNYA, MAKA IA TIDAK AKAN DITIRU OLEH PIHAK LAIN, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN ULANGTAHUN PENUBUHAN MALAYSIA DI KOTA LAMA CORNWALIS DI SINI.**

**BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN PERCUBAAN PIHAK BERKENAAN AKAN GAGAL KERANA MASING-MASING MAHU MENEGAKKAN IDEOLOGI TERSENDIRI DAN INI BOLEH MENIMBULKAN HURU-HARA DALAM NEGARA JIKA MEREKA BERJAYA MEMBENTUK KERAJAAN CAMPURAN.**

**BELIAU MENYIFATKAN PAKATAN ITU SEBAGAI SEBUAH PAKATAN TERGESA-GESA YANG MENYAMAI +SESEORANG YANG TERCARI-CARI TEMPAT TIDUR UNTUK BERMALAM.+ -- LAGI.**

1852MST 23 09 89

D626

U B641 DEB  
MAHATHIR - BARISAN 2 PULAU PINANG

**KATANYA, WALAUPUN MEREKA TIDUR SETEMPAT TETAPI MASING-MASING DENGAN MIMPI YANG BERBEZA-BEZA DENGAN SATU PIHAK BERMIMPI MENUBUHKAN SEBUAH NEGARA ISLAM MANAKALA YANG LAIN PULA SEBUAH NEGARA BERCORAK PERKAUMAN.**

**PERDANA MENTERI BERKATA, MELALUI KESEPAKATAN BN, MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN LUAR BIASA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN DAPAT EERDIRI TEGAK DALAM MASYARAKAT ANTARABANGSA.**

**SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU MENGGESA ANGGOTA PARTI KOMPONEN BN MEMAHAMI KONSEP BN DALAM USAHA MENYATUPADUKAN RAKYAT DAN MEMASTIKAN KESTABILAN NEGARA TERJAMIN.**

**+KITAINGIN MENGEKALKAN PEMERINTAHAN KERAJAAN BN BUKAN KERANA KEPENTINGAN BN TETAPI KERANA BN SAHAJA YANG DAPAT MEMBERIKAN KEMAKMURAN KEPADA BANGSA DAN NEGARA,+ KATA BELIAU.**

**BELIAUJUGA MENAFIKAN DAKUAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA UMNO AMAT BESGANTUNG PADAMCA, DAN MCA BERGANTUNG PADA UMNO UNTUK MENCAPAI KEMENANGAN PADA SESUATU PILJHAN RAYA.**

**SEBENARNYA SEMUA ANGGOTA PARTI KOMPONEN BERGANTUNG KEPADA KEKUATAN BN, KATA BELIAU. -- LAGI.**

1904MST 23 09 89

D629

UB644 DEB  
MAHATHIR - BARISAN 3 PULAU PINANG

DALAM PILIHAN RAYA, TIDAK ADA CALON YANG DISEBUTKAN SEBAGAI CALON UMNO ATAU MANA-MANA CALON PARTI KOMPONEN BN, KECUALI KESEMUANYA ADALAH CALON BN, YANG MENUNJUKKAN KESEPAKATAN DALAM BN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KETUA PEMUDA BN, DATUK SERI MOHAMED NAJIB TUN RAZAK PULA BERKATA, PEMUDA BN BUKAN SAHAJA BERDIRI TEGUH MENYOKONG SEBARANG TINDAKAN PUCUK PIMPINAN NEGARA, MALAHAN AKAN TERUS MEMPERJUANGKAN GAGASAN UNTUK MELAHIRKAN RAKYAT YANG BERSATU PADU DAN MAJU.

SAMEIL MENYELAR MEDIA MASSA ASING YANG CUBA MELAGA-LAGAKAN PEMIMPIN PARTI DENGAN MENGADAKAN ISU-ISU TERTENTU, BELIAU BERKATA PEMUDA BN AKAN MENYOKONG APAJUA TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP MAJALAH BERKENAAN.

MENGENAI ANGKATAN PERPADUAN UMMAH, BELIAU BERKATA, BN YAKIN AKAN MENYAPU BERSIH KERUSI-KERUSI YANG DITANDINGI OLEH PAKATAN ITU.

PERHIMPUNAN ANJURAN PEMUDA BN NEGERI ITU TURUT DIHADIRI OLEH KETUA MENTERI, DR LIM CHONG EU, KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMAD RAHMAT DAN TIMBALANNYA ENCIK RAILEY JEFFREY YANG JUGA KETUA PEMUDA USNO. -- BERNAMA.

1909MST 23 09 89